

28 OCT 1996

Chua-Penswastaan

BAYARAN HOSPITAL TIDAK NAIK MESKIPUN KHIDMAT SOKONGAN DISWASTA

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) - Kerajaan tidak bercadang menaikkan kadar bayaran rawatan hospital berikutan penswastaan lima perkhidmatan sokongan hospital-hospital kerajaan di seluruh negara berkuatkuasa 1 Jan 1997, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan kadar bayaran itu dikaji semula pada masa depan berikutan peningkatan perkhidmatan untuk para pesakit.

"Pada masa ini, tidak (dinaikkan kadar bayaran) tetapi besar kemungkinan ia dinaikkan pada jangka panjang selaras dengan peningkatan tahap perkhidmatan untuk pesakit di negara ini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Konsesi Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital di sini hari ini.

Tiga syarikat diberi konsesi menguruskan lima perkhidmatan sokongan kesemua hospital kerajaan di seluruh negara dan empat institusi perubatan di bawah projek penswastaan berharga RM500j setahun selama 15 tahun yang akan berkuatkuasa 1 Jan depan.

Faber Medi-Serve Sdn Bhd. yang ditawarkan konsesi Zon Utrara, Sabah dan Sarawak; Radicare (M) Sdn Bhd ditawarkan konsesi Zon Tengah dan Timur; manakala Tongkah Medinvest Sdn Bhd pula ditawarkan konsesi Zon Selatan.

Perkhidmatan sokongan yang diswastakan ialah pengurusan sisa-sisa klinikal, perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan linen dan pendobian, perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan fasiliti, dan perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan biomedikal.

Ketika diminta mengulas mengenai kesan langkah penswastaan itu terhadap kadar bayaran untuk pesakit, Chua berkata: "Sudah pasti bayaran hospital akan turut naik akhirnya, tetapi penswastaan membolehkan kita menyediakan sistem perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang."

Beliau berkata ketiga-tiga syarikat konsesi itu diberi tempoh tiga bulan untuk menyediakan perkhidmatan yang dikehendaki bagi membolehkan para pesakit menikmati kebersihan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan sewajarnya di samping memastikan keselamatan mereka dan kakitangan terjamin.

"Saya harap bilangan aduan yang diterima daripada orang ramai akan berkurangan apabila perkhidmatan hospital bertambah baik," katanya sambil menambah Cawangan Kawalselia akan diwujudkan di Bahagian Kejuruteraan kementerian bagi mengawas perjalanan skim penswastaan itu.

Perjanjian Konsesi Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital itu dimeterai oleh pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Encik P Venugopal dengan Datuk Ismail Mansor (Faber Medi-Serve Sdn Bhd), Encik Azmi Haji Jaafar (Radicare) dan Encik Mokhzani Mahathir (Tongkah Medinvest Sdn Bhd).

Terdahulu, dalam ucapannya, Chua berkata jumlah kakitangan yang terlibat berikutan penswastaan itu ialah 2,681 orang manakala jumlah jawatan yang akan dimansuhkan dalam Kementerian Kesihatan ialah 3,844.

Chua berkata di bawah penswastaan itu, segala aset Kementerian Kesihatan yang berkaitan akan dipindahmilik kepada sektor swasta dan kakitangan terlibat akan diberi opsyen mulai esok untuk menyertai syarikat-syarikat konsesi berkenaan.

Projek penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital itu akan mengukuhkan lagi perkhidmatan sokongan dan secara tidak langsung meningkatkan mutu perkhidmatan dan rawatan pesakit.

"Jururawat dan atendan di hospital-hospital kerajaan negara ini menghabiskan masa antara 25 dan 30 peratus untuk melakukan kerja mendobi dan dengan penswastan ini mereka tidak perlu menjalankan tugas itu lagi sebaliknya boleh memberi tumpuan kepada penjagaan dan rawatan pesakit," katanya.

Chua berkata perjanjian konsesi mensyaratkan syarikat-syarikat konsesi mengadakan program jaminan untuk kelima-lima perkhidmatan yang dibekalkan serta pengiktirafan ISO 9002 dalam tempoh lima tahun.

Faber Mediserve akan mengendalikan khidmat sokongan sebuah hospital di Kangar, Perlis; sembilan hospital di Kedah; 20 hospital di Perak; 21 hospital di Sarawak; dan 20 hospital di Sabah.

Radicare pula akan menguruskan khidmat sokongan tujuh hospital di Selangor; dua hospital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; 11 hospital di Pahang; lima hospital di Terengganu; lapan hospital di Kelantan dan empat institut latihan tanpa katil.

Tongkah Medinvest akan mengendalikan lima hospital di Negeri Sembilan; tiga hospital di Melaka; dan 11 hospital di Johor. -- BERNAMA

ZAB NAK